



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**24 JANUARI 2024 (KHAMIS)**

## Pindahkan Babi Tanpa Kebenaran, Hasil Jualan Penternak Dilucut Hak

| <b>MEDIA</b> | <b>RUANGAN</b> | <b>MUKA SURAT</b> | <b>TARIKH</b> |
|--------------|----------------|-------------------|---------------|
| My Metro     | Mutakhir       | Online            | 23 Jan        |



ANG (tengah) ketika hadir di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam. FOTO Danial Saad

Bukit Mertajam: Mahkamah Majistret, di sini memerintahkan wang hasil jualan 138 babi hidup bernilai RM41,400 milik seorang penternak dilucutkan hak untuk dijadikan hasil kerajaan.

Keputusan itu dibuat Majistret Nurul Rasyidah Mohd Akit dalam pengurusan kes dengan Orang Kena Kompaun (OKK) Ang Shi Shen, 34, hari ini.

Nurul Rasyidah turut memerintahkan supaya 11 anak babi hidup dan satu pasport ladang khinzir diserahkan kepada pemilik asal.

Pada 16 Januari lalu, Ang yang menguruskan ladang ternakan babi itu dikompaun RM3,000 selepas mengaku bersalah memindahkan 138 babi hidup tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Mei tahun lalu.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa memindahkan kesemua babi terabit dari Perak ke Pulau Pinang.

Tindakan itu dilakukan dipercayai selepas ternakan babi yang diuruskannya di ladang Bukit Teh terpaksa

dilupakan berikutan penularan penyakit Demam Babi Afrika (ASF).

Pendakwaan dikemukakan mengikut Perintah 4 (1)(b) Perintah Kawasan Kawalan Penyakit African Swine Fever (Negeri Pulau Pinang) 2022 mengikut Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya JPV Roziman Awang Tahrin manakala OKK tidak diwakili peguam.

Roziman ketika ditemui pemberita di luar mahkamah memaklumkan bahawa penguat kuasa JPV menjalankan pemeriksaan dan melupakan kesemua ternakan babi di ladang itu selepas disahkan dijangkiti ASF pada 27 Januari tahun lalu.

"Namun, hasil pemeriksaan lanjut mendapati 138 babi dipindahkan oleh OKK dari Perak ke Pulau Pinang tanpa mendapat kebenaran JPV.

"Kesemua babi itu tiada sebarang tanda penyakit yang kemudian ia dilupakan melalui jualan sebelum hasilnya dilucut hak untuk dijadikan hasil kerajaan," katanya.

Tahun lalu, media melaporkan terdapat 30 ladang babi komersial di Pulau Pinang disahkan dijangkiti penyakit ASF dengan jumlah babi yang dijangkiti adalah 68,659 ekor.  
-MyMETRO

## Wang RM41,400 Hasil Jualan Pindah 138 Babi Dilucutkan Hak

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------|---------|------------|--------|
| Kosmo | Negara  | Online     | 23 Jan |



Shi Shen (tengah) ketika hadir mendengar pengurusan kes membabitkan pemindahan 138 ekor babi hidup tanpa kebenaran di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam, hari ini.

SEBERANG PERAI – Gara-gara memindahkan 138 ekor babi hidup tanpa kebenaran tahun lalu, semua wang hasil jualan haiwan itu yang dianggarkan bernilai RM41,400 dilucutkan hak daripada seorang pengurus ladang untuk dijadikan hasil kerajaan.

Perkara itu diputuskan Majistret Nurul Rasyidah Mohd Akit dalam satu pengurusan kes melibatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang dengan Orang Kena Kompau (OKK) iaitu Ang Shi Shen, 33, di Mahkamah

Majistret Bukit Mertajam di sini, hari ini.

Selain melucutkan hak wang jualan daripada OKK, Nurul Rasyidah turut memerintahkan agar sebelas ekor anak babi hidup bersama pasport sebuah ladang babi dipulangkan semula kepada pemilik asal.

Shi Shen sebelum ini dikompau sebanyak RM3,000 pada 16 Januari lalu selepas mengaku bersalah memindahkan 138 daripada keseluruhan 149 ekor babi

hidup itu dari Perak ke Pulau Pinang tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Mei tahun lalu.

Tindakan pemindahan itu diambil selepas satu pemeriksaan yang dibuat di ladang babi yang diusahakan oleh lelaki itu di Bukit Teh di sini mendapati, haiwan-haiwan terbabit terpaksa dilupuskan selepas dijangkiti penyakit African Swine Fever (ASF).

Shi Shen kemudian membayar kompaun tersebut pada hari yang sama dia dikompaun di pejabat JPV negeri sebelum pihak JPV terbabit membuat permohonan untuk mendapatkan perintah daripada mahkamah bagi membolehkan kesemua haiwan yang dipindahkan itu dilupuskan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya JPV negeri, Roziman Awang Tahrin manakala OKK pula tidak diwakili mana-mana peguam.

Berdasarkan laporan media tahun lalu, sebanyak 30 ladang babi komersial di Pulau Pinang telah disahkan dijangkiti penyakit ASF dengan jumlah populasi babi yang dijangkiti ketika itu hampir mencecah 70,000 ekor. -[KOSMO! ONLINE](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR